

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Frequently asked questions (FAQ)

BAYARAN ELAUN GURU PEMBIMBING

1. Cikgu Rokiah binti Abdul Halim telah membimbing 3 orang guru pelatih di bawah anjuran IPGM. Adakah beliau layak untuk menuntut bayaran pelatih bagi ketiga-tiga guru pelatih tersebut?

Jawapan:

Pegawai layak menuntut terhadap kepada 2 orang sahaja seperti yang dinyatakan dalam Surat Kementerian Kewangan Rujukan PS(6.00)111JD.4(S.K.1/2003)(3) bertarikh 12 Jun 2003 para 3.3 pegawai yang dilantik sebagai pembimbing adalah dikehendaki membimbing 2 guru pelatih bagi tempoh latihan mengajar tersebut.

2. Saya seorang guru yang telah mendapat surat perlantikan dari Jabatan Pendidikan Negeri Melaka untuk membimbing 2 orang guru KPLI. Saya kini sedang sarat mengandung dan dijangkakan akan bersalin dalam tempoh 2 minggu lagi. Mengikut perkiraannya saya cuma sempat membimbing guru pelatih tersebut seperti berikut : 22 Jan hingga 31 Januari = 10 hari dan 1 hingga 28 Februari . Saya dijangkakan akan bersalin bila-bila masa selepas tarikh tersebut. Berapakah jumlah yang saya boleh tuntutan sekiranya semua syarat-syarat yang lain telah saya patuhi?

Jawapan :

Nota : Guru Siswazah :RM40 sebulan penuh (30/31 /28)hari

$RM40/30 = RM 1.33$ sen

Januari = 22 hingga 31 = 10 hari x RM1.33 = RM13.30 X 2 = RM 26.60

Februari = sebulan penuh = RM 40 X 2 = RM 80.00

JUMLAH TUNTUTAN = RM 106.60

3. Pn. Rahmah binti Ahmad adalah seorang Pensyarah dari UPSI dan kini sedang menjadi guru pembimbing kepada dua pelatih dari UPSI di Sekolah Menengah Slim River. Bolehkah beliau menuntut elaun guru pembimbing di IPG yang berdekatan?

Jawapan:

Beliau tidak layak untuk menerima elaun kerana bukan pelajar dan guru pembimbing dari IPG Kementerian Pendidikan.